

Bahasa Kiasan Dalam Lagu P. Ramlee Berdasarkan Teori Relevans

Figurative Language In P. Ramlee's Song Based On Relevance Theory

Hazwani Hisham

¹Siti Noraini Hamzah

Program Linguistik,
Pusat Kajian Bahasa Dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence email: 1snoraini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Bahasa kiasan ialah jenis bahasa yang menghuraikan sesuatu dengan cara mengkiaskannya kepada perkara lain, sama ada dengan menyebutkan bandingan secara langsung atau mengandaikan perbandingan itu. Bahasa kiasan berfungsi sebagai menguat dan menajamkan sesuatu karya, untuk menyampaikan sesuatu mesej secara ringkas dan padat serta membawa maksud yang mendalam. Kajian ini berfokus kepada penggunaan bahasa kiasan yang digunakan dalam penulisan lirik lagu oleh seniman agung negara, Tan Sri P. Ramlee. Dua fokus utama kajian adalah mengenal pasti penggunaan bahasa kiasan yang terdapat di dalam lirik lagu P. Ramlee dan menganalisis bahasa kiasan tersebut menggunakan teori Relevans. Metodologi kajian bersifat kualitatif dan data dianalisis menggunakan teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986). Tiga buah lagu P. Ramlee telah dijadikan sebagai bahan kajian iaitu lagu Gelora, Itulah Sayang dan Resam Dunia. Hasil kajian mendapati bahasa kiasan bukan sekadar bentuk perlambangan yang terdapat dalam lirik lagu tetapi mempunyai mesej dan makna yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat. Usaha ini diharapkan dapat memperkaya koleksi warisan P. Ramlee dalam memartabatkannya sebagai seniman legenda khusus dalam bidang nyanyian serta memperlihatkan keindahan bahasa yang digunakan oleh P. Ramlee.

Kata kunci: bahasa kiasan, teori Relevans, lirik lagu, P. Ramlee, interpretasi

ABSTRACT

Figurative language is a type of language that describes something by alluding to something else, either by stating a direct comparison or by assuming the comparison. Figurative language functions as strengthening and sharpening a work to deliver a simple and concise message that carries a deep meaning. This study focuses on the use of figurative language in the writing of song lyrics by the great artist, Tan Sri P. Ramlee. The two main focuses of the study are identifying the use of figurative language found in the lyrics of P. Ramlee's song and analyzing the figurative language using Relevance Theory. The research methodology is qualitative and the data is analyzed using the Relevance Theory introduced by Sperber and Wilson (1986). Three of P. Ramlee's songs have been used as research

material, which are Gelora, Itulah Sayang and Resam Dunia. The findings of this study are analyzed based on the Relevance Theory approach to describe the meaning contained behind the use of figurative language in the lyrics of the songs. The results of the study show that figurative language is not just a form of symbolism found in song lyrics but has a message and meaning that is closely related to community life. It is hoped that this effort will enrich Tan Sri P. Ramlee's musical heritage and in bestowing him as a legend in the music industry.

Keywords: *figurative language, theory Relevance, lyrics, P. Ramlee, interpretation*

1. Pengenalan

Semantik merupakan satu bidang kajian tentang aspek makna dalam bidang linguistik. Perkataan semantik berasal daripada perkataan Yunani kuno, iaitu *sema* yang membawa maksud isyarat (Abdullah, 2013). Semantik berasal daripada kata adjektif bahasa Yunani *semantickos* yang membawa maksud penting atau bererti. Mukhlis (2020) menyatakan kajian ilmu semantik merupakan salah satu cabang dalam bidang ilmu linguistik yang sukar dipelajari, hal ini disebabkan konsep makna sangat luas dan meliputi pelbagai aspek. Bahasa ialah alat untuk menyampaikan buah fikiran dan perasaan, melalui susunan perkataan dan ayat. Dalam hal ini, salah satu daripada unsur yang dimaksudkan ialah unsur bahasa. Oleh itu, penghasilan sesebuah lirik dikaitkan dengan beberapa unsur dan gubahan bahasa yang digunakan. Kenyataan tersebut sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Paul Valery (1972: 63), antara lain menurutnya bagi menghasilkan satu gubahan yang cantik dan berseni tentu sekali kepelbagaian unsur digunakan. Lirik berfungsi menerangkan kisah atau pemikiran dalam sesebuah lagu serta mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat (Zunnah Hassan, 1982: 23).

Di dalam kajian ini, perbincangan yang dilakukan ialah menganalisis bahasa kiasan dalam lirik lagu

P. Ramlee mengikut 3 tema yang telah dikeluarkan iaitu tema percintaan, kasih-sayang dan juga nasihat. Bahasa kiasan digunakan sebagai pertimbangan mengenai sesuatu perkara dengan perbandingan, mengibaratkan atau menyindir. Bahasa kiasan biasanya ditujukan kepada seseorang atau kelompok masyarakat untuk menegur atau menasihati atau mengingatkan tentang sesuatu dalam keadaan tidak menyinggung perasaan atau menjatuhkan air muka. Masyarakat Melayu memang akrab dengan bahasa kiasan kerana persekitaran hidup masyarakat Melayu mewah dengan akal budi. Pada era feudal, masyarakat Melayu menggunakan bahasa kiasan dalam pantun atau peribahasa. Bukan bermaksud mahu membelit-belitkan bahasa atau situasi, tetapi lebih pada memupuk perasaan saling menghormati. Yang paling utama, bahasa kiasan tersebut difahami oleh kelompok masyarakat yang menerimanya. P. Ramlee ialah tokoh seniman tanah air yang sering menggunakan bahasa kiasan dalam kebanyakan penulisan dialog dan lagunya. Perkara ini dapat dilihat sebagai contoh yang terdapat di dalam lirik lagu yang bertajuk Gelora iaitu “bukan kerna intan permata, kerna budi bahasa”. Apa yang ingin disampaikan adalah seperti yang kita tahu intan permata adalah batu permata yang sangat indah, sangat berharga dan nilainya tinggi. Namun, nilai seseorang manusia dilihat lebih tinggi dan lebih berharga adalah berdasarkan budi bahasanya.

Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh atau lebih dikenali sebagai P. Ramlee merupakan seorang penyanyi, pelakon, pengarah, pemuzik dan penulis lagu. Beliau juga berjaya menghasilkan sebanyak 401 buah lagu dan 66 buah filem sepanjang hayatnya (Muhammad Nur Akmal Rosli & Rohaidah Kamaruddin, 2018). Beliau dilahirkan pada 22 Mac 1929 dan meninggal dunia pada 29 Mei 1973. Beliau turut digelar sebagai Seniman Agung Negara kerana jasanya yang amat besar dalam industri hiburan terutamanya di rantau Asia Tenggara. Dua objektif yang telah digariskan dalam menjalani kajian ini adalah mengenal pasti penggunaan bahasa kiasan yang terdapat di dalam lirik lagu P. Ramlee dan menganalisis bahasa kiasan dalam lirik lagu P. Ramlee menggunakan teori Relevans.

2. Tinjauan Literatur

Kosa ilmu yang dipilih oleh pengkaji sememangnya mempunyai perkaitan dengan kajian pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana, kosa ilmu atau kajian lepas tersebut boleh dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji dalam melakukan kajian ini.

2.1 Kajian Lepas Berkaitan Lagu P. Ramlee

2.1.1 Nur Amirah Che Soh dan Che Ibrahim Salleh (2014)

Keindahan terlalu subjektif dan sukar untuk didefinisikan dengan suatu perkataan khusus kerana konsepnya yang halus dan abstrak. Menurut Nik Safiah Karim, “keindahan lazimnya dikaitkan dengan perasaan yang menenangkan yang dihasilkan berdasarkan tanggapan pancaindera” (Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias 2006; 137). Kajian lepas ini bertajuk Keindahan Bahasa Dalam Lirik Lagu P. Ramlee. Keindahan bahasa bukan sahaja dapat ditafsirkan melalui indera mata yang melihat tetapi juga indah pada indera yang mendengar. Dalam bahasa, keindahan merupakan elemen yang mampu menimbulkan kesan dari dua aspek yakni bentuk dan makna. Secara umumnya, indah bentuk adalah merujuk pada visual yang memaparkan sesuatu yang sedap didengar dan susunan rima akhirnya mampu menimbulkan bunyi-bunyi yang berkesinambungan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Indah pada makna pula tertumpu pada kata yang digunakan dalam lisan ataupun lisan sehingga menimbulkan makna sebaliknya dan bukan hanya pada makna dasar. Oleh sebab itu, kajian ini akan menumpukan pada bait kata yang terdapat dalam lirik lagu P. Ramlee sehingga menimbulkan makna yang indah bukan sahaja pada pendengaran semata-mata tetapi melalui makna yang terjelma melalui susunan kata dalam bait lirik lagu. Bagi membincangkan kajian ini, Teori Semantik diaplikasikan bagi menghuraikan makna lagu bukan hanya pada kata tetapi melihat hubung kait antara bait kata sehingga menimbulkan makna yang indah. Dapatan kajian ini akan menghuraikan makna lagu yang memberikan kesan nikmat yang mampu mengusik jiwa pendengar dan melambang kebijaksanaan P. Ramlee dalam mengungkapkan kata. Kajian ini boleh dijadikan rujukan bagi pengkaji seterusnya yang berminat untuk mengkaji karya- karya P. Ramlee yang cukup bermakna dalam industri seni negara.

2.1.2 Muhammad Nur Akmal Rosli dan Rohaidah Kamaruddin (2018)

Kajian ini bertajuk *Perbezaan Budaya Dalam Terjemahan Lagu – Lagu P. Ramlee*. Penterjemahan merupakan satu bidang yang menghubungkan dua budaya berbeza dalam dua kelompok masyarakat yang berbeza. Bidang penterjemahan berfungsi sebagai medium untuk memperkenalkan budaya asing kepada masyarakat supaya tidak menimbulkan salah faham. Kajian ini dilaksanakan bagi membincangkan perbezaan budaya dalam terjemahan lagu-lagu P. Ramlee yang melibatkan budaya Melayu dan budaya barat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesalahan terjemahan yang terdapat dalam lagu-lagu P. Ramlee dan membincangkan perbezaan budaya yang terdapat dalam terjemahan lagu-lagu P. Ramlee. Tiga buah lagu P. Ramlee telah dijadikan sebagai bahan kajian iaitu lagu *Aci-aci Buka Pintu*, *Mencece* dan lagu *Bunyi Gitar*. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak kesalahan dalam terjemahan lirik lagu tersebut. Kesalahan ini telah dinyatakan dan perbezaan budaya dalam terjemahan itu turut dibincangkan dalam kajian ini. Antara perbezaan budaya yang dikesan ialah hubungan sosial, ekologi, peribahasa dan kiasan, warna, ungkapan lisan, kepercayaan masyarakat, kebendaan dan peralatan. Kajian ini diharapkan dapat menerangkan dengan lebih jelas mengenai budaya masyarakat luar yang berbeza dengan budaya masyarakat tempatan. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan atau bacaan kepada sesiapa sahaja sekiranya hendak menjalankan kajian dalam bidang yang sama bagi tujuan penambahbaikan demi kepentingan bersama.

2.2 Kajian Lepas Berkaitan Bahasa Kiasan

2.2.1 Aminuddin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019)

Kajian yang telah dilakukan pengkaji lepas ini bertajuk *Penggunaan Kiasan Dalam Plot Konflik Filem: Satu Analisis Pragmatik*. Bahasa kiasan merupakan satu bentuk bahasa yang diungkapkan bagi mengindahkan sesuatu perkara yang kurang elok atau mempunyai niat yang tidak elok. Pengungkapan bahasa kiasan dalam konflik ini mempunyai pelbagai tujuan, antaranya mengungkapkan ketidakpuasan hati, kekecewaan dan perkelahian. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan bahasa kiasan dalam plot konflik menggunakan pendekatan pragmatik. Data yang diambil diperolehi menerusi filem Melayu yang dilakonkan oleh Nordin Ahmad, iaitu *Lanchang Kuning*, *Semerah Padi*, *Hang Jebat* dan *Seri Mersing*. Pemilihan filem ini adalah disebabkan kualiti dan penggunaan bahasanya yang indah dan berpengaruh. Hasil kajian mendapati bahasa kiasan banyak diungkapkan dalam plot konflik bagi menyatakan kekecewaan, perkelahian dan ketidakpuasan hati. Kajian ini juga membuktikan bahawa pengungkapan bahasa kiasan dapat difahami oleh komunikator berdasarkan pendekatan teori pragmatik. Kesimpulannya, penelitian terhadap bahasa dalam filem telah dapat menyerlahkan keperibadian, akal budi positif atau negatif dan kekreatifan masyarakat Melayu dalam menyampaikan sesuatu perkara dalam suasana konflik.

2.2.2 Nor Aqma Fazlin Shahidin (2023)

Kajian ini berkenaan dengan Bahasa Kiasan Dalam Pantun Lisan Berdasarkan Kurik Kundi Merah Saga: Aplikasi Pendekatan Gunaan. Oleh itu, pendekatan gunaan dalam teori pengkaedahan Melayu sangat bersesuaian dengan objektif kajian. Batasan kajian ini hanya berfokuskan pada pantun lisan yang bertemakan kiasan. Kajian ini adalah untuk memperlihatkan dan memperjelaskan berkenaan dengan jenis-jenis bahasa kiasan dan juga fungsi-fungsi bahasa kiasan dalam buku Kurik Kundi Merah Saga. Hal ini demikian kerana, kajian lepas yang pernah dibuat tidak banyak yang mengkaji berkenaan dengan bahasa kiasan dalam pantun lisan. Justeru itu, kajian ini membincangkan jenis-jenis bahasa kiasan dan menganalisis fungsi-fungsi bahasa kiasan. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ialah bersifat kualitatif iaitu daripada kepustakaan, teori dan sumber internet. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa gabungan penggunaan pendekatan gunaan yang terkandung dalam teori pengkaedahan Melayu dengan tajuk kajian memberi idea dan sebagai sumber rujukan yang bernas dan secara tidak langsung kajian yang dihasilkan dapat memperlihatkan tentang kehidupan sebenar masyarakat Melayu. Cadangan untuk kajian supaya lebih diperkembangkan dan diluaskan lagi bagi berkongsi kepada pengkaji lain dan masyarakat di luar sana betapa pentingnya penerapan bahasa kiasan dalam kehidupan setiap manusia atau individu. Hal ini demikian kerana, bahasa kiasan juga dianggap sebagai bahasa orang Melayu pada zaman dahulu kala yang dijadikan sebagai salah satu identiti dan jati diri orang Melayu. Kesimpulannya, kajian berkaitan dengan bahasa kiasan dalam pantun lisan sangat sesuai digunakan bersamaan dengan pendekatan gunaan kerana segala jenis bahasa kiasan dan fungsi bahasa kiasan dapat dicungkil dengan lebih banyak.

2.3 Kajian Lepas Berkaitan Bahasa Kiasan Dalam Lagu

2.3.1 Aliaa Wan Mohd Muzani dan Nurul Jamilah Rosly (2021)

Kajian pengkaji yang ketiga ini bertajuk Bahasa Kiasan Dalam Lirik Lagu Nyanyian Dato' Siti Nurhaliza: Analisis Semantik Inkuisitif. Makalah ini bertujuan mencungkil pemikiran dan falsafah yang tersirat dalam lirik lagu nyanyian Dato' Sri Siti Nurhaliza. Justeru, terdapat dua lagu yang terpilih iaitu Jaga Dia Untukku dan Seluruh Cinta yang dipilih secara rawak mudah. Kesemua data ini merupakan lagu-lagu terkini yang berbentuk kontemporari dan diadun dengan keindahan bahasa yang puitis. Dapatan kajian ini dianalisis berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang untuk menghuraikan makna yang terkandung di sebalik lirik lagu yang terpilih. Penganalisan data berjaya menghubungkan pemikiran dan falsafah penulis lirik dengan aspek pemilihan kata. Hasil kajian mendapati bahasa kiasan bukan sekadar bentuk perlambangan yang terdapat dalam lirik lagu tetapi mempunyai mesej dan makna yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat. Penghayatan yang mendalam oleh pendengar terhadap lirik lagu boleh membentuk pemikiran yang kritis dan kreatif. Mesej dan nasihat yang tersirat dalam lirik lagu nyanyian Dato' Sri Siti Nurhaliza berjaya dicungkil menerusi pendekatan semantik inkuisitif.

2.3.2 Muhammad Zawawi bin Tuah (2022)

Kajian pengkaji lepas yang terakhir bertajuk Makna Tersirat Dalam Lagu "Hakikat Sebuah

Cinta” Dan “Suci Dalam Debu”: Analisis Semantik Inkuisitif. Semantik inkuisitif merupakan satu bidang kajian yang mampu menganalisis dan menghuraikan makna sebenar sesuatu ujaran dengan melihat kepada akal budi penuturnya. Terdapat banyak kajian semantik inkuisitif yang mengkaji kiasan-kiasan Melayu seperti peribahasa dan simpulan bahasa. Namun, masih kurang kajian yang mengkaji makna disebalik lirik lagu. Disebalik penggunaan ayat dalam lirik lagu, pasti mempunyai makna-makna yang berimplisit, yang ingin disampaikan oleh penulis lirik. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat makna tersirat dalam lagu dari perspektif linguistik khususnya semantik inkuisitif serta mentafsirkan dan memahami lirik dalam lagu yang dipilih secara lebih mendalam, dengan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Norhasimah Jalaluddin (2014) melalui tiga tahap penganalisan. Kajian ini berbentuk kualitatif sepenuhnya melalui penggunaan data dua buah lagu iaitu “Hakikat Sebuah Cinta” dan “Suci Dalam Debu”. Kesemua data yang dipilih telah dianalisis dalam 3 tahap iaitu semantik skrip (makna harfiah), semantik resonans (makna kognitif) dan akhirnya semantik inkuisitif (akal budi penutur). Kajian ini memberikan kefahaman yang lebih lanjut dan tepat mengenai makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis lirik untuk pedoman semua

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data kajian. Menurut Hornby (1985), metodologi merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menjalankan atau melakukan kajian ke atas subjek tertentu. Metodologi kajian juga merupakan kaedah yang digunakan untuk enjalankan kajian ke atas aspek kajian tertentu dengan teratur dan tersusun. Rangka teoretis yang digunakan adalah teori Relevans. Teori Relevans ini menekankan kerelevanan sesuatu ujaran. Bentuk komunikasi yang terlibat mestilah dapat difahami oleh kedua-dua iaitu penutur dan pendengar sebegitu juga dengan lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi lalu disampaikan kepada pendengar. Tiga konsep utama yang ditekankan dalam Teori Relevans adalah konteks, kesan konteks (kesan kognitif) dan usaha memproses. Ketiga-tiga konsep ini mestilah bergabung supaya mesej yang hendak disampaikan mencapai tahap relevan yang optimum.

3.1 Tata Cara Pengumpulan Data

Pengumpulan data ialah kaedah mengumpul maklumat secara terperinci yang diketahui atau telah dikumpul mengenai sesuatu dan seterusnya dijadikan asas untuk membuat kajian secara analisis atau kesimpulan. Melalui kaedah pengumpulan data ini, pengkaji akan menggunakan kaedah internet dan kaedah perpustakaan. Pengkaji memilih kaedah ini kerana lebih bersesuaian dengan penyelidikan yang pengkaji sedang lakukan. Kaedah internet juga telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan lirik lagu dan maklumat tambahan yang sesuai berkaitan dengan tajuk kajian yang ingin dikaji. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan bahan bacaan seperti jurnal dan artikel berkaitan teori Relevans dan juga bahasa kiasan. Antara laman sesawang yang digunakan dalam mencari bahan tersebut seperti Gema Online, Jurnal Online, My Jurnal dan Google Scholars. Kaedah perpustakaan merupakan kaedah kedua yang dilakukan bagi mendapatkan sumber rujukan berkaitan dengan tajuk

kajian. Hal ini demikian kerana, kaedah perpustakaan juga merupakan kaedah yang penting dalam kajian yang dilakukan ini. Ianya sangat membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat-maklumat tambahan dalam menyiapkan latihan ilmiah. Oleh itu, pengkaji telah berkunjung ke beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Seri Lanang, Pusat Sumber Pengajian Bahasa dan Linguistik serta Perpustakaan Alam Tamadun Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia bagi mendapatkan sumber rujukan sekunder seperti jurnal-jurnal, buku-buku ilmiah, kertas kerja persidangan yang berkaitan dengan tajuk kajian.

3.2 Analisis Data

Menurut Mohd Shafie Abu Bakar “Data hanya berguna sekiranya ia memberi maklumat berkaitan dengan persoalan yang dikemukakan. Penganalisan data dilakukan untuk membolehkan penyelidik mendapatkan keputusan bagi masalah yang dikaji” (1987:87). Dalam menjalankan kajian, bahagian analisis data amat penting dalam apa jua bentuk kajian agar kajian yang dilaksanakan dapat memenuhi objektif kajian yang telah disenaraikan. Oleh itu, pengkaji haruslah memastikan setiap data yang diperoleh diuraikan satu persatu bagi memberikan hasil yang terbaik dalam mencapai objektif tersebut. Kaedah yang akan digunakan dalam menganalisis data ialah kaedah kualitatif.

Peringkat ini pengkaji menganalisis data lirik lagu yang telah dipilih dengan menggunakan teori Relevans bagi melengkapkan objektif kajian. Objektif kajian pertama adalah mengenal pasti penggunaan bahasa kiasan yang terdapat di dalam lirik lagu P. Ramlee. Proses ini dilakukan dengan mengeluarkan bahasa kiasan yang terdapat di dalam lirik lagu tersebut. Objektif kedua ialah menganalisis bahasa kiasan dalam lirik lagu P. Ramlee menggunakan teori Relevans. Menerusi proses ini, pengkaji akan menganalisis makna lirik menggunakan tiga elemen utama Teori Relevans iaitu konteks, kesan konteks dan kos memproses. Pengkaji akan mentafsir dan menguraikan data tersebut kepada mesej sebenar yang ingin disampaikan.

3.2.1. Mengenal pasti Bahasa Kiasan Di Dalam Lirik Lagu P. Ramlee

JADUAL 1 : Mengenal Pasti Bahasa Kiasan Di Dalam Lirik Lagu P. Ramlee

Judul Lagu	Data	Rangkap Lirik	Bahasa Kiasan
Gelora	1.	Rangkap pertama	<i>Jiwa rasa gelora Kasih pada teruna Bukan kerna intan permata Kerna budi bahasa</i>
	2.	Rangkap kedua	<i>Kasih bukan paksaan Sayang bukan mainan Jiwa dan raga jadi taruhan Oo- ooh, pujaan</i>

Itulah Sayang	1.	Rangkap pertama	<i>Tanya sama hati Apa asal sayang? Adakah tandanya nampak dipandang?</i>
	2.	Rangkap kedua	<i>Kumbang rayu bunga Bulan dan bintangnya Punya tanda-tanda hubungan mesra</i>
	3.	Rangkap ketiga	<i>Tanya sama hati Pernahkah merindu? Ingat masa lelah, apa mimpimu?</i>
	4.	Rangkap keempat	<i>Masa berjauhan Apa nan dikenang? Bila difahamkan itulah sayang</i>
	5.	Rangkap kelima	<i>Jikalau tidak kerana sayang Kuntuman kasih tak mungkin kembang Andainya jemu mengganti rindu Jambangan mesra tentulah layu</i>
Resam Dunia	1.	Rangkap pertama	<i>Dunia ini hanya palsu Manusia berdusta Kebanyakan suka menipu Gemar membuat dosa....</i>
	2.	Rangkap kedua	<i>Dunia penuh dengan noda Dunia penuh dosa Kebanyakan tipu dan daya Mengikut nafsu murka...</i>
	3.	Rangkap ketiga	<i>Ada pula yang salah sangka Banyak yang salah terkam</i>
			<i>Pasir disangka intan Batu disangka berlian....</i>
	4.	Rangkap keempat	<i>Begitulah resam dunia Tidak kekal selamanya Hati-hati sebelum tenat Agar terpedaya... Hmmm...hmmmm</i>

Sumber : Laman sesawang Genius

3.2.2 Menganalisis Bahasa Kiasan Dalam Lirik Lagu P. Ramlee Menggunakan Teori Relevans

Penghasilan lirik lagu adalah bertujuan untuk menghiburkan dan dalam masa yang sama untuk menyampaikan mesej yang tersirat tetapi keunikan dalam lagu P. Ramlee daripada makna yang tersingkap dalam tiap bait kata lagu beliau. Penganalisan data menggunakan teori Relevans adalah seperti berikut.

*Jiwa rasa
gelora Kasih
pada teruna*

Analisis pertama dilakukan berdasarkan tema percintaan. Bahasa kiasannya dapat dilihat di Rangkap 1 baris pertama iaitu “*jiwa rasa gelora*”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), kata nama jiwa bermaksud nyawa atau roh yang ada didalam tubuh manusia. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2017), gelora dimaksudkan dengan kocakan air laut yang sangat hebat, gerakan gelombang yang besar serta dengan kencangnya. Kebiasaannya, penggunaan kata gelora sering dikaitkan dengan ombak di laut iaitu apabila berlakunya ombak besar dan angin kuat maka laut bergelora. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), gelora juga boleh merujuk kepada hati iaitu perasan hati yang bergolak-golak (tidak tenang). Masuk kepada baris kedua iaitu “*kasih pada teruna*” di mana kasih membawa maksud perasaan sayang terhadap seseorang atau sesuatu (cinta) dan teruna adalah seorang lelaki yang muda. Sinonimnya kata teruna ini adalah pemuda, jejaka yang masih bujang. Jadi di sini, baris pertama bagi ayat itu adalah bagi menggambarkan perasaannya yang sedang tidak keruan adalah disebabkan oleh rasa cintanya kepada seorang lelaki. Bahasa kiasan ini akan dikupas lagi di bahagian analisis dapatan kajian.

*Kumbang rayu
bunga Bulan dan
bintangnya
Punya tanda-tanda hubungan mesra*

Seterusnya adalah analisis berdasarkan tema kasih sayang menerusi lagu Itulah Sayang. Seperti yang dapat dilihat di baris pertama ayatnya adalah seperti “*kumbang rayu bunga*”. Dalam masyarakat Melayu, perkataan bunga adalah kiasan bagi golongan wanita manakala perkataan kumbang pula ialah kiasan bagi golongan lelaki. Maksud kepada baris kedua iaitu “*bulan dan bintangnya*” di mana seperti yang ketahui menjelang malam, bulan pasti akan muncul ditemani bintang. Maksud bagi satu rangkap ini adalah bagi mengatakan pasangan bagi kumbang adalah bunga manakalah pasangan bagi bulan

adalah bintang dan kedua-duanya ini berkait dan ada hubungannya. Bahasa kiasan ini akan dikupas lagi di bahagian analisis dapatan kajian.

*Dunia ini hanya palsu
 Manusia berdusta
 Kebanyakan suka
 menipu Gemar
 membuat dosa....*

Ketiganya adalah analisis berdasarkan tema nasihat atau pesanan. Penulisan lirik di rangkap ini memberi maksud yang sangat jelas dimana baris pertama dikatakan “*dunia ini hanya palsu*” yang merupakan satu subjek yang masih relevan sehingga kini. Baris keduanya adalah “*manusia berdusta*” dimana menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), dusta membawa maksud bohong, berkata yang tidak benar. “*Kebanyakan suka menipu*” dan “*gemar membuat dosa*” merujuk kepada manusia yang sering alpa, leka dan lalai. Manusia juga sering terperangkap dalam kesilapan, kesalahan, dosa dan kemungkaran yang dilakukannya sendiri. Manusia selalu terjatuh dalam langkahnya yang sumbang. Itulah manusia. Penceritaan di sebalik rangkap ini adalah disebabkan di dalam filem Bujang Lapok, Ramlee telah ditipu oleh seorang wanita. Makna bahasa kiasan ini akan dikupas lebih lagi di bahagian analisis dapatan kajian.

4. Dapatan dan Perbincangan

Dapatan yang dipersembahkan dan diterangkan adalah bagi menjawab objektif dan persoalan kajian. Oleh sebab itu, pengkaji sentiasa memastikan bahawa objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan tercapai bagi membuktikan kajian tersebut berjaya.

4.1 Bahasa Kiasan Dalam Lagu P. Ramlee

4.1.1 Tema Percintaan

Cinta merupakan satu ukuran asas pengalaman manusia yang memberikan antaranya, perasaan kasih sayang, tarikan, asas kemesraan dan keserasian antara perseorangan. Ia dapat ditunjukkan melalui perasaan, emosi, kelakuan, pemikiran, persepsi dan sikap. Percintaan adalah berkaitan perihal bercinta- cinta atau berkasih sayang antara lelaki dan perempuan. Manusia memang diciptakan untuk berhubung dan berinteraksi dengan satu sama lain. Perasaan kasih, sayang dan perasaan tertarik kepada orang yang berlawanan jenis adalah lumrah bagi setiap manusia.

JADUAL 2 : Bahasa Kiasan Tema Percintaan

Judul Lagu	Data	Rangkap Lirik	Bahasa Kiasan
Gelora	1.	Rangkap pertama	<i>Jiwa rasa gelora Kasih pada teruna Bukan kerna intan permata</i>

			<i>Kerna budi bahasa</i>
	2.	Rangkap kedua	<i>Kasih bukan paksaan Sayang bukan mainan</i>

			<i>Jiwa dan raga jadi taruhan Oo-ooh, pujaan</i>
--	--	--	--

4.1.2 Tema Kasih Sayang

Kasih sayang didefinisikan sebagai kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas. Kasih sayang boleh diungkapkan dengan ungkapan dan ditunjukkan melalui perbuatan.

JADUAL 3 : Bahasa Kiasan Tema Kasih Sayang

Judul Lagu	Data	Rangkap Lirik	Bahasa Kiasan
Itulah Sayang	1.	Rangkap pertama	<i>Tanya sama hati Apa asal sayang? Adakah tandanya nampak dipandang?</i>
	2.	Rangkap kedua	<i>Kumbang rayu bunga Bulan dan bintangnya Punya tanda-tanda hubungan mesra</i>
	3.	Rangkap ketiga	<i>Tanya sama hati Pernahkah merindu? Ingat masa lelah, apa mimpimu?</i>
	4.	Rangkap keempat	<i>Masa berjauhan Apa nan dikenang? Bila difahamkan itulah sayang</i>
	5.	Rangkap kelima	<i>Jikalau tidak kerana sayang Kuntuman kasih tak mungkin kembang Andainya jemu mengganti rindu Jambangan mesra tentulah layu</i>

4.1.3 Tema Nasihat / Pesanan

Nasihat adalah kata nama yang membawa maksud ajaran mahupun petunjuk yang baik. Kata-kata nasihat adalah rangkaian kalimat atau ungkapan yang membawa makna mendalam. Kata ini mampu memberikan panduan serta inspirasi dalam membimbing kepada pemahaman yang lebih baik tentang hidup.

JADUAL 4 : Bahasa Kiasan Tema Nasihat / Pesanan

Judul Lagu	Data	Rangkap Lirik	Bahasa Kiasan
Resam Dunia	1.	Rangkap pertama	<i>Dunia ini hanya palsu Manusia berdusta Kebanyakan suka menipu Gemar membuat dosa....</i>
	2.	Rangkap kedua	<i>Dunia penuh dengan noda Dunia penuh dosa Kebanyakan tipu dan daya Mengikut nafsu murka...</i>
	3.	Rangkap ketiga	<i>Ada pula yang salah sangka Banyak yang salah terkam Pasir disangka intan Batu disangka berlian....</i>
	4.	Rangkap keempat	<i>Begitulah resam dunia Tidak kekal selamanya Hati- hati sebelum tenat Agar terpedaya... Hmmm...hmmmm</i>

4.2 Analisis Bahasa Kiasan Berdasarkan Teori Relevans

4.2.1 Tema Percintaan

JADUAL 5 : Analisis Teori Relevans Tema Percintaan

Judul Lagu	Data	Rangkap Lirik	Bahasa Kiasan
Gelora	1.	Rangkap pertama	<i>Jiwa rasa gelora Kasih pada teruna Bukan kerna intan permata Kerna budi bahasa</i>

Analisis :

Gelora adalah tajuk lagu yang mempunyai satu titik permulaan kisah tersirat oleh penulis untuk menyampaikan mesej kepada umum. Kata ini sangat tinggi maknanya oleh penulis kerana telah dipilih menjadi tajuk kepada lagu ini. Pasti ada sesuatu ingin penulis sampaikan kepada umum tetapi tidak secara terang-terangan. Makna gelora mengikut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2017) dimaksudkan dengan kocakan air laut yang sangat hebat, gerakan gelombang yang besar serta dengan kencangnya. Kebiasaannya, penggunaan kata gelora ini diandaikan dengan ombak di laut iaitu apabila berlakunya ombak besar dan angin kuat maka

laut bergelora. Akan tetapi lirik bagi baris pertama, rangkap pertama menggunakan kiasan “*jiwa rasa gelora*”. Jiwa menurut Kamus Bahasa Melayu (2017) adalah nyawa atau roh. Kata nama ini berantonim dengan kata jasad dan zahir serta dirujuk sebagai kasih kekasih. Konteks asal yang ingin diketengahkan oleh P. Ramlee adalah berkisarkan rasa cinta yang digambarkan oleh seorang wanita terhadap seorang lelaki bujang. Andaian tentang makna kiasan “*jiwa rasa gelora*” adalah rasa hati yang sedang membuak, tidak tenteram. Andaian tersebut telah menepati makna implisit yang ingin ditonjolkan dalam lirik lagu berkenaan. Hal ini kerana, jika dilihat konteks asal bagi rangkap berkenaan, P. Ramlee ingin memberitahu bahawa dalam percintaan, pasti hati kita akan ada rasa berbunga-bunga dan tidak tenteram seperti mana di rangkap pertama dan kedua iaitu “*jiwa rasa gelora, kasih pada teruna*” yang memberi makna gambaran rasa yang hadir apabila menyukai seseorang. Sehubungan dengan itu, andaian di atas telah menunjukkan pendengar dapat mentafsirkan makna “*gelora*” dalam lirik lagu berkenaan. Ini bermakna pendengar telah memberikan kesan konteks. Pendengar telah menggabungkan segala pengetahuan maklumat yang sedia ada dalam catatan ensiklopedia otak. Usaha memproses makna “*gelora*” bagi pendengar tidak terlalu berat. Ini kerana pendengar sudah dapat mengecam makna yang ingin disampaikan oleh penulis.

Pendengar tidak hanya perlu melihat pada keseluruhan rangkap, dan kata tersebut sudah boleh ditafsirkan akan makna implisit. Pendengar juga dapat mentafsirkan makna bagi baris ketiga, iaitu penulis ingin memberitahu bahawa konteks penggunaan perkataan permata adalah bagi menggambarkan wanita itu bukanlah mencintai seseorang lelaki atas sebab harta kekayaannya malah dilihat dari sudut budi bahasanya. Budi bahasa boleh didefinisikan sebagai percakapan yang baik, elok dan bersopan ketika bertutur kata, tinggi dan berhenah budi bicaranya, beradab, bersopan santun, tertib, bersikap lemah lembut, bertingkah laku baik serta mempunyai akhlak yang murni (Wan Mohd Ruzlan, 2011). Dalam erti kata lain, budi bahasa merupakan elemen penting yang perlu ada dalam diri setiap individu kerana ia melambangkan peribadi dan sahsiah diri seseorang itu. Justeru, kajian ini mendapati bahawa andaian yang dikemukakan sangat tinggi kesahannya kerana tidak memerlukan kos memproses yang tinggi. Oleh yang demikian, dalam teori Relevans, semakin rendah usaha memproses sesuatu ujaran, maka semakin tinggilah kesahan ujaran itu (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007). Pendengar hanya memerlukan usaha memproses yang rendah kerana data yang dikaji telah selaras dengan pengetahuan yang sedia ada mereka.

4.2.2 Tema Kasih Sayang

JADUAL 6 : Analisis Teori Relevans Tema Kasih Sayang

Judul Lagu	Data	Rangkap Lirik	Bahasa Kiasan
Itulah Sayang	1.	Rangkap pertama	<i>Tanya sama hati Apa asal sayang? Adakah tandanya nampak dipandang?</i>

	2.	Rangkap kedua	<i>Kumbang rayu bunga Bulan dan bintangnya Punya tanda-tanda hubungan mesra</i>
--	----	---------------	---

Analisis :

Frasa sayang ialah satu ungkapan yang menampakkan unsur implisit yang boleh mengelirukan pendengar. Frasa ini jelas dan nyata bersifat abstrak dalam lirik lagu ini. Berdasarkan perkataan “*sayang*” yang dijadikan sebagai rangkaian utama dalam lirik lagu ini, makna linguistik seperti cinta dan kekasih sudah menepati dengan makna konteks asal penulis yang ingin disampaikan kepada pembaca atau pendengar. Konteks lirik ini berkisarkan tentang bagaimana untuk menggambarkan rasa sayang itu. Berdasarkan Kamus Bahasa Melayu (2017) sayang bermaksud mengasihani dan mencintai. Kiasan “*tanya sama hati*” yang secara umumnya diinterpretasikan sebagai pertanyaan kepada diri sendiri. Kata nama hati ini bersinonim dengan batin, perasaan, jiwa, roh dan emosi. Seterusnya adalah pertanyaan bagi menyambung baris pertama iaitu “*apa asal sayang*”. Makna ujaran yang disampaikan adalah pertanyaan apa punca timbulnya rasa sayang. Apakah perkara yang membangkitkan rasa sayang itu. Baris akhir adalah “*adakah tandanya nampak dipandang*”. Adakah tandanya ini merujuk kepada tanda sayang dan nampak dipandang adalah bagi menjelaskan apakah tanda bagi menunjukkan rasa sayang itu boleh dilihat secara fizikal mahupun tidak. Andaian seperti itu menunjukkan pendengar dapat mentafsirkan makna sayang dalam lirik lagu berkenaan. Ini bermakna pendengar telah memberikan kesan konteks. Pendengar telah menggabungkan segala pengetahuan maklumat yang sedia ada dalam catatan ensiklopedia otak. Usaha memproses makna sayang bagi pendengar tidak terlalu berat. Ini kerana pendengar sudah dapat mengecam makna yang ingin disampaikan oleh penulis. Pendengar tidak hanya perlu melihat pada keseluruhan rangkap pertama dan kedua kerana kata tersebut sudah boleh ditafsirkan akan makna implisit. Pendengar dapat mentafsirkan makna rangkap kedua itu kiasan bagi penggunaan kata kumbang dan bunga beserta bulan dan bintang yang menunjukkan kebersamaan yang tidak terpisah. Justeru, kajian ini mendapati bahawa andaian yang dikemukakan sangat tinggi kesahannya kerana tidak memerlukan kos memproses yang tinggi. Oleh yang demikian, dalam teori Relevans, semakin rendah usaha memproses sesuatu ujaran, maka semakin tinggilah kesahan ujaran itu (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007). Usaha pendengar memproses makna telah berjaya dan menghasilkan makna yang tepat.

4.2.3 Tema Nasihat / Pesanan

JADUAL 7 : Analisis Teori Relevans Tema Nasihat / Pesanan

Judul Lagu	Data	Rangkap Lirik	Bahasa Kiasan
------------	------	---------------	---------------

Resam Dunia	1.	Rangkap pertama	<i>Dunia ini hanya palsu Manusia berdusta Kebanyakan suka menipu Gemar membuat dosa....</i>
-------------	----	-----------------	---

Analisis :

Resam dunia mempunyai satu titik permulaan kisah tersirat oleh penulis untuk menyampaikan mesej kepada umum. Kata ini sangat tinggi maknanya oleh penulis kerana telah dipilih menjadi tajuk kepada lagu ini. Pasti ada sesuatu ingin penulis sampaikan kepada umum tetapi tidak secara terang terangan. Lagu ini lebih kepada memberi pesanan dan juga nasihat. Konteks asal yang diketengahkan oleh penulis lagu ini adalah perkara-perkara yang menjadi satu kebiasaan yang berlaku di dunia. Analisis rangkap pertama memberi makna yang sangat jelas dan bertepatan serta relevan di masa kini. Andaian bagi baris pertama adalah bagi menggambarkan perihal yang terjadi di dunia ini dimana kita dikelilingi oleh ramai orang dengan ragam yang kepelbagaian. Baris kedua menyatakan manusia berdusta yang menggambarkan manusia berbohong dan disambung pula dengan baris ketiga iaitu kebanyakan suka menipu dan akhir sekali gemar membuat dosa merujuk kepada manusia yang sering alpa, leka dan lalai. Andaian ini menunjukkan pendengar dapat mentafsirkan makna resam dunia dalam lirik lagu berkenaan. Semua andaian ini telah menepati makna implisit yang ingin ditonjolkan dalam lirik lagu berkenaan yang memangnya berkisar tentang ragam dan dosa yang manusia lakukan di dunia. Ini bermakna pendengar telah memberikan kesan konteks. Pendengar dapat mengabungkan antara input dengan konteks lalu mencipta satu kesimpulan. Usaha memproses makna resam dunia bagi pendengar tidak terlalu berat. Ini kerana pendengar sudah dapat mengecam makna yang ingin disampaikan oleh penulis. Oleh itu, kajian mendapati andaian yang dikemukakan sangat tinggi kesahannya kerana tidak memerlukan kos memproses yang tinggi.

4.3 Perbincangan

Hasil kajian mendapati bahasa kiasan bukan sekadar bentuk perlambangan yang terdapat dalam lirik lagu tetapi mempunyai mesej dan makna yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat. Penghasilan lirik lagu adalah bertujuan untuk menghiburkan dan dalam masa yang sama untuk menyampaikan mesej yang tersirat tetapi keunikan dalam lagu P. Ramlee daripada makna yang tersingkap dalam tiap bait kata lagu beliau. Keindahan bait kata dalam lagu nyanyian beliau bukan sahaja kerana melodi dan kelunakan suaranya tetapi bait kata yang disusun sebaik mungkin sehingga menghasilkan lirik lagu yang berjaya mendapat tempat di hati peminat sehingga ke hari ini. Karya seni P. Ramlee bukannya karya yang biasa kerana terselitnya pemikiran dan keintelektualan dalam masyarakat Melayu yang diujarkan dalam bentuk bahasa kiasan. Perbincangan yang dilakukan adalah menganalisis makna bahasa kiasan dalam lirik lagu P. Ramlee. Masyarakat dahulu bijak berkias bagi menyampaikan nasihat, mesej atau pengajaran kepada seseorang tanpa melukakan hati mana-mana pihak. Kenyataan ini dapat disokong dengan pendapat yang diberikan oleh Fatimah

Busu (1992) iaitu mengapakah orang Melayu tidak suka berterus terang? Menurutnya kesopanan yang terbit daripada rasa malu dan segan dalam kalangan masyarakat Melayu telah menimbulkan satu cara hidup yang tidak suka berterus terang. Lirik yang teratur penyusunan katanya dan jelas maknanya akan menimbulkan nilai estetika dan mesej yang ingin disampaikan dapat ditafsirkan oleh pendengarnya. Ini seperti yang dinyatakan oleh Cooke bahawa keindahan kata dalam lagu umpama kunci yang membuka ruang untuk menghayati makna-makna secara lebih berkesan. Hampir kebanyakan lirik lagu P. Ramlee cukup mengambil berat akan kehalusan tutur bicara agar tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Kehalusan bahasa dalam pemilihan kata penulisan lagu membawa unsur-unsur nasihat, pengajaran, teladan, dan mesej diterapkan dalam ungkapan Melayu untuk menjadi panduan dan pedoman.

5. Rumusan dan Cadangan

Secara keseluruhan, kajian ini memperincikan objektif, dapatan kajian lepas, metodologi dan perbincangan rumusan berkaitan bahasa kiasan dalam lagu P. Ramlee menggunakan teori Relevans. Kesimpulannya adalah bahasa kiasan ialah bahasa yang mengandungi maksud tertentu, bertujuan bagi menyampaikan mesej atau memperkatakan sesuatu dengan mengiaskannya kepada perkara lain agar tidak menyinggung perasaan seseorang dan bagi menyerlahkan kesantunan, nilai budi pekerti dan peradaban masyarakatnya. Pemilihan leksikal dalam lirik lagu memerlukan pemikiran tajam penulis kerana keputihan perlu ada dalam lirik lagu di samping mesej dapat disampaikan dengan tepat kepada pendengar.

Cadangan yang ingin dikemukakan untuk pengkaji akan datang adalah membuat kajian terhadap bahasa kiasan dalam lagu P. Ramlee berdasarkan teori dan analisis yang berlainan misalnya analisis semantik inkuisitif, analisis semiotik, analisis makna dan sebagainya. Jika dianalisis dan dikaji dengan lebih lagi, bahasa kiasan yang terdapat di dalam lagu-lagu P. Ramlee sememangnya banyak memberi teguran dan nasihat. Lagu-lagunya banyak berkias dalam menegur masyarakat sejak zaman dahulu lagi dan perkara tersebut masih relevan sehingga kini. Penulisan lirik lagu bukanlah dibuat dengan hati yang suka-suka, malah membawa maksudnya yang tersendiri. Oleh sebab itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian ini boleh dilakukan oleh pengkaji akan datang bagi memberikan kelainan daripada kajian ini.

Pengkaji berharap bahawa kajian yang dilakukan ini berjaya menjawab segala objektif dan permasalahan kajian. Diharapkan supaya pengkaji akan datang dapat memanfaatkan kajian ini untuk mencetuskan atau membantu percambahan idea baharu dalam menghasilkan kajian yang lain atau menambah baik segala kelompongan dan kekurangan yang terdapat pada kajian ini. Pengkaji juga berharap supaya kajian bahasa kiasan dalam lagu P. Ramlee ini juga boleh digunakan untuk menambah pengetahuan umum di samping digunakan sebagai kosa ilmu dan juga rujukan.

Rujukan